

Headline	Ibu tunggal mampu berdikari		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	753 cm ²
Journalist	Hajahfarhana Tarmudi	AdValue	RM 27,704
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,112



Ibu tunggal mampu berdikari

Mereka ada pekerjaan tetap dan pandai cari pendapatan dengan kemahiran dimiliki untuk meneruskan kehidupan

Hajahfarhana Tarmudi

GOLONGAN tidak bernasib baik memerlukan sokongan untuk meneruskan kehidupan serba mencabar di abad ini. Menyoroti kisah ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU), ia pasti menyentuh kalbu tatkala mereka mengakui terpaksa meneruskan hidup tanpa sokongan masyarakat dan ahli keluarga terdekat.

Antaranya, kisah kehidupan ibu beranak tiga yang diraikan dalam majlis terbuka puasa anjuran Yayasan Maybank baru-baru ini.

Reda dengan takdir yang menimpa dirinya, ibu tunggal ini tidak hanya mengenang nasib sebaliknya lebih gemar mengambil sikap positif untuk saling menyokong dengan wanita yang senasib dengannya.

Sharifah Kamariah Syed Ibrahim, 74, pernah mengalami nasib sama dengan ibu tunggal lain. Sejak menjadi ibu tunggal pada 1981, Sharifah Kamariah meneruskan kehidupan seperti biasa biarpun agak sulit apatah lagi mahu membesarkan tiga anaknya yang ketika itu masih kecil.

Namun, dia bersyukur kerana mempunyai pekerjaan tetap untuk menyara anaknya biarpun dia sendiri harus bergelar ibu dan ayah pada masa yang sama.

"Ketika itu anak saya berusia antara dua hingga 15 tahun. Mula bergelar ibu tunggal, tidak dinafikan saya agak kelam-kabut sedikit.

"Biasanya pasangan ada untuk sama membantu, tetapi

sejak bergelar ibu tunggal, saya perlu menjalankan tanggungjawab sebagai ibu dan ayah dalam satu masa.

"Walaupun menjalani kehidupan sukar, saya reda dengan ketentuan Allah dan tidak mahu orang lain turut sama merasai penderitaan yang saya lalui," katanya yang juga menyandang gelaran sebagai Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Mas Merah Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Tambahnya, ramai wanita berputus asa selepas bergelar ibu tunggal sama ada mereka bercerai hidup atau kematian suami.

Paling menyedihkan apabila anak juga menjadi mangsa diskriminasi masyarakat sekeliling yang sering menyalahkan mereka dengan masalah sosial.

Namun, harus diingat walaupun bergelar ibu tunggal, masa depan anak-anak harus diutamakan dan mereka perlu dibimbing dengan betul sehingga berjaya.

Jelasnya, situasi itu dapat dilihat satu ketika dulu. Kini, masyarakat sudah banyak mengalami perubahan dan sedar mengenai kesusahan yang dialami ibu tunggal.

Tambahan pula, kebanyakan ibu tunggal masa kini mempunyai pekerjaan tetap dan pandai

mencari pendapatan dengan kemahiran dimiliki, menunjukkan mereka mampu berdikari untuk meneruskan kehidupan.

Bersatu di bawah persatuan yang banyak menyokong ibu

tunggal untuk berdikari, Shari-fah Kamariah berasa bangga kerana dapat berkongsi pengalaman bersama ahli dengan mengadakan bengkel jahitan dan menghasilkan tudung untuk menambah kemahiran kepada yang berminat.

Walaupun ramai yang boleh berdikari dan memahami kepayahan yang dilalui oleh ibu tunggal, dia berasa bersyukur kerana di bulan Ramadan ini, persatuan masih menerima sumbangan daripada pihak yang prihatin.

Ia bertambah bermakna apabila sumbangan terbabit digunakan untuk membuat persediaan menyambut Syawal tidak lama lagi.

Pembantu Kebajikan Taman Sinar Harapan, Kuala Kubu Baru, Selangor, Zulkifly Abdul Rahman, juga meluahkan perasaan gembira kerana masyarakat masih memandangi berat terhadap golongan OKU.

Tidak menafikan, sepanjang Ramadan ini, mereka turut menerima sumbangan dan jemputan terbuka puasa oleh pihak yang prihatin dengan nasib penghuni di rumah kebajikan itu.

"Sudah rezeki mereka apabila tiba Ramadan. Banyak pihak yang sudi membantu dan menjemput penghuni rumah kebajikan ini untuk sama-sama berbuka puasa.

"Namun begitu, penghuni ini turut berdikari untuk menyara kehidupan mereka dengan membuat kraftangan seperti

melukis sebagai sumber pendapatan.

"Mungkin disebabkan keluarga yang tidak berkemampuan untuk menjaga OKU ini, mereka meletakkan anak atau ahli keluarga di rumah kebajikan ini agar kehidupan mereka lebih terjamin," katanya ketika ditemui pada majlis terbuka puasa di Menara Maybank, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank yang juga bertindak sebagai Pengerusi Yayasan Maybank, Datuk Sri Abdul Wahid Omar berkata, usaha amal itu penting bagi memberi impak bermakna kepada program yang dijayakan khususnya dalam

komuniti yang menempatkan operasi perbankan kumpulan.

"Yayasan Maybank adalah platform untuk kami memberi sokongan kepada golongan memerlukan dalam komuniti tempat kami beroperasi.

"Aktiviti yang dianjurkan Yayasan ini selari dengan falsafah untuk menolng menangani keperluan masyarakat melalui program yang mapan bertujuan memperkasakan masyarakat melalui pembangunan berterusan.

"Yayasan tidak boleh beroperasi secara sendirian, namun apabila berganding bahu dengan masyarakat, ia dapat mencapai impak yang lebih bermakna," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Maybank, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, Ahli Lembaga

Headline	Ibu tunggal mampu berdikari		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	753 cm ²
Journalist	Hajahfarhana Tarmudi	AdValue	RM 27,704
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,112

Pemegang Amanah Yayasan Maybank dan kakitangan pengurusan kanan Maybank.

Lebih daripada 150 warga tua, anak yatim, ibu tunggal dan OKU daripada beberapa rumah kebajikan dan sekolah terpilih di sekitar Lembah Klang menghadiri majlis berkenaan.

Selain dijamu dengan pelbagai hidangan yang enak, tetamu istimewa itu turut menerima sumbangan hadiah dan duit

raya menerusi program Cahaya Kasih anjuran Yayasan Maybank.

Cahaya Kasih adalah program sukarela kakitangan Maybank membabitkan pengendalian inisiatif yang memberi manfaat kepada komuniti.

Majlis berbuka puasa itu turut menyaksikan penyerahan sumbangan tunai bernilai RM72,000 kepada Majlis Aids Malaysia yang diwakili Presiden-nya, Datuk Dr Raj Karim.



ZULKIFLY...berdikari untuk sara kehidupan.



SHARIFAH KAMARIAH...ibu tunggal kini semakin berani dan berdikari meneruskan kehidupan.



GEMBIRA...anak yatim turut menerima sumbangan.

Headline	Ibu tunggal mampu berdikari		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	753 cm ²
Journalist	Hajahfarhana Tarmudi	AdValue	RM 27,704
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,112



SUMBANGAN...Abdul Wahid (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Dr Raj (tengah) sambil disaksikan Megat Zaharuddin.



PRIHATIN...Abdul Wahid menyampaikan sumbangan kepada tetamu OKU.